

DOA SELAMAT (1)

Ya Allah, kurniakanlah kepada kami lidah yang lembut basah kerana mengingati dan menyebut nama-Mu, hati yang penuh segar mensyukuri nikmat-Mu dan tubuh badan yang ringan menyempurnakan ketaatan kepada perintah-Mu.

Ya Allah, kurniakanlah kami iman yang sempurna, hati yang khusyuk, ilmu yang berguna, keyakinan yang benar-benar mantap. Ya Allah, kurniakanlah kami cara hidup (Din) yang jitu dan unggul, selamat daripada segala mara bahaya dan petaka. Kami mohon, ya Allah, kecukupan daripada segalanya sehingga tidak sampai kami terpaksa meminta-minta daripada orang lain. Berikanlah kami, ya Allah, iman yang sebenar-benarnya sehingga kami tidak lagi gentar, mengharap dan menyembah selain daripada-Mu. Kembangkanlah naungan rahmat-Mu kepada kami, keluarga dan anak-anak kami serta sesiapa sahaja yang bersama-sama kami. Janganlah, ya Allah, Engkau biarkan nasib kami ditentukan oleh diri kami sendiri walaupun kadar sekelip mata sekalipun atau kadar masa yang lebih singkat dari itu, ya Allah, ya Tuhan kami, Engkau Tuhan yang Maha Memperkenankan segala permintaan.

Selawat dan restu-Mu untuk Junjungan kami Muhammad SAW, Nabi yang mulia, dan kepada keluarga Baginda dan para sahabat Baginda seluruhnya.

Amin....

DOA SELAMAT (2)

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang. Ya Allah sesungguhnya kami memohon kepadaMu keselamatan dalam agama, dan kesehatan dalam tubuh. Bertambah dalam ilmu, dan keberkatann rezeki, dan taubat sebelum mati. Mendapat rahmat ketika mati, dan mendapat pengampunan sesudah mati.

Ya Allah mudahkanlah bagi kami dari sakaratul maut, lepaskan dari api neraka. Dan mendapat keampunan ketika dihisab. Ya Allah jangankanlah Engkau menyesatkan hati kami sesudah Engkau memberi petunjuk. Dan berilah kami rahmat dari sisiMu. Ya Allah berikan kami kebaikan di dunia dan di akhirat. Dan jauhkanlah kami dari api neraka.

DOA SELAMAT (3)

Dengan nama Allah, yang Maha Pemurah dan Maha Penyayang. Segala puji bagi Allah, Tuhan sekalian alam. Selawat dan salam atas semulia-mulia para nabi dan rasul, junjungan kami Muhammad dan ats keluarga dan sahabat Baginda seluruhnya.

Ya Allah, sesungguhnya Engkau mengetahui hati kami. Kami telah berkumpul karena cinta-Mu, dan berjumpa dalam ketaatan pada-Mu, dan bersatu dalam dakwah-Mu, dan berpadu dalam membela syariat-Mu. Maka Ya Allah, kuatkanlah ikatannya, kekalkanlah cintanya, tunjukkanlah jalannya, penuhilah ia dengan cahaya yang tiada redup, dan lapangkanlah dada-dada dengan iman yang berlimpah kepada-Mu. Serta indahny takwa kepada-Mu, dan hidupkan ia dengan ma'rifat-Mu, dan matikan ia dalam syahid di jalan-Mu. Sesungguhnya Engkau sebaik-baik pelindung dan sebaik-baik penolong. Ya Allah, kabulkanlah.

DOA SELAMAT (4)

Ya Allah sesungguhnya kami memohon kepadaMu keselamatan dalam agama, dan kesihatan dalam tubuh. Bertambah dalam ilmu, dan keberkatann rezeki, dan taubat sebelum mati. Mendapat rahmat ketika mati, dan mendapat pengampunan sesudah mati. Ya Allah mudahkanlah bagi kami dari sakaratul maut, lepaskan dari api neraka. Dan mendapat keampunan ketika dihisab. Ya Allah jangankanlah Engkau menyesatkan hati kami sesudah Engkau memberi petunjuk. Dan berilah kami rahmat dari sisiMu. Ya Allah berikan kami kebaikan di dunia dan di akhirat. Dan jauhkanlah kami dari api neraka.

DOA SELAMAT (5)

Ya Allah, masukkanlah kami ke dalam syurga bersama dengan para Nabi. Ya Tuhan kami, kurniakanlah kami kebaikan di dunia dan di akhirat. Jauhkanlah kami daripada seksaan neraka. Semoga Allah mencurahkan kesejahteraan ke atas sebaik-baik makhluknya, junjungan kami Nabi Muhammad, keluarga dan sahabatnya. Maha suci Tuhan yang Maha Mulia daripada sebarang kekurangan. Salam sejahtera ke atas para rasul dan segala puji hanya bagi Allah, Tuhan sekalian alam.